

**PAS kekal dengan keputusan lebih satu nama untuk MB Selangor,  
kata setiausaha agung  
Malaysian Insider  
Aug 27, 2014  
OLEH DIYANA IBRAHIM**

PAS tetap dengan keputusannya sebelum ini untuk menghantar lebih daripada satu nama untuk dicalonkan menjadi menteri besar Selangor walaupun diminta tidak berbuat demikian oleh Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali berkata, PAS terikat dengan Mesyuarat AJK PAS Pusat pada 17 Ogos lalu yang mencalonkan dua nama.

Beliau berkata, pendirian parti itu yang mahu menamakan juga calon selain Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sememangnya satu fakta yang sudah diketahui umum sejak kemelut krisis Selangor semakin memuncak.

"Pendirian PAS untuk beri lebih satu nama itu merupakan fakta yang sememangnya sudah diketahui umum," katanya kepada The Malaysian Insider.

Reaksi setiausaha agung PAS itu secara tidak langsung menidakkan hasrat Anwar yang mengharapkan parti Islam itu kekal dengan keputusan dicapai PKR dan DAP malam tadi untuk menghantar hanya satu nama calon menteri besar.

Anwar yang ditemui pemberita di mahkamah petang tadi berkata gesaan itulah adalah sebahagian daripada semangat Pakatan Rakyat (PR) yang merupakan kerusi PKR dan perlu dihormati seperti diputuskan dalam mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Rakyat pada 17 Ogos lalu.

Mengulas mengenai itu, Mustafa berkata keputusan untuk tetap dengan satu nama atau lebih bergantung kepada parti masing-masing.

Tegasnya tidak kira PAS, PKR atau DAP, masing-masing mempunyai hak memberi nama calon menteri besar yang mereka kehendaki kerana dakwanya penyerahan nama kepada Sultan Selangor dibuat mengikut parti masing-masing dan bukannya disekalikan.

"Itu hak dia (PKR) nak hantar nama siapa pun. Itu hak DAP pun nak letak siapa sebab masing-masing parti menerima surat berasingan dan untuk dihantar kepada pihak istana. Itu hak masing-masinglah," katanya.

Selain itu, beliau juga memberitahu PAS masih belum memilih calon lain bagi menjawab jawatan menteri besar seperti dititahkan Sultan semalam kerana tidak menerima surat rasmi daripada pihak istana lagi.

"Kita tidak terima lagi surat daripada pihak istana. Hari ini tidak sampai lagi, mungkin esok dan kita tak boleh nak dedahkan apa-apa. Tunggu surat tersebut, kena lihat dulu syarat calon menteri besar baru boleh tentukan," katanya.

Beliau juga mendakwa berdasarkan titah Sultan semalam, setiap parti, PAS , PKR dan PAS perlu mengemukakan lebih daripada dua nama calon.

"Maknanya setiap parti boleh mencadangkan tidak kurang daripada dua nama calon dimana calon itu nama sama atau lain. Ia bukan bermaksud dua nama sedia ada kemudian tambah lagi empat sebab itu kami masih tunggu surat daripada istana," katanya.

Dalam perkembangan terbaru krisis menteri besar di Selangor, Sultan Selangor Sharafuddin Idris Shah menitahkan PR mengemukakan lebih daripada dua nama untuk menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Dalam sidang medianya selepas menghadap Sultan semalam, Khalid akhirnya mengumumkan peletakan jawatannya berkuatkuasa sehingga pelantikan menteri besar baharu. – 27 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-kekal-dengan-keputusan-lebih-satu-nama-untuk-mb-selangor-kata-setiausah>